



NOTIS PERKAPALAN MALAYSIA
MALAYSIA SHIPPING NOTICE

NPM 7/1999

Ibu Pejabat Laut, Semenanjung Malaysia, Peti Surat 12, 42007 Pelabuhan Klang.
Tel: 03-3686616 Fax: 03-3685289 E-mail: kpgr@marine.gov.my
<http://www.marine.gov.my>

**DOKUMEN KEANGGOTAAN SELAMAT DAN PERAKUAN
KEANGGOTAAN - DOKUMEN MANDATORI UNTUK BELAYAR.**
*SAFE MANNING DOCUMENT AND MANNING CERTIFICATE - A
MANDATORY SAILING DOCUMENT.*

**Kaedah-Kaedah Perkapalan Saudagar (Keanggotaan, Waktu Kerja dan Pengawasan)
1999.**

The Merchant Shipping (Manning, Hours of Work and Watchkeeping) Rules 1999.

Notis kepada Pemilik Kapal, Pengurus Kapal, Nakhoda dan Mualim.

Notice to Shipowners, ship managers, masters and officers.

- | | |
|--|--|
| <p>1. Bahagian II kepada Kaedah-Kaedah Perkapalan Saudagar (Keanggotaan, Waktu Kerja dan Pengawasan) 1999 memerlukan sesebuah kapal samada memegang Dokumen Keanggotaan Selamat atau Perakuan Keanggotaan. Dokumen Keanggotaan Selamat diperlukan bagi kapal yang melebihi 500 GT dan Perakuan Keanggotaan diperlukan bagi kapal yang kurang dari 500 GT. Kaedah-Kaedah di atas tidak lagi memuatkan jadual untuk keanggotaan sesebuah kapal seperti Kaedah-Kaedah 1994 yang dibatalkan.</p> <p>2. Sesuatu syarikat adalah dikehendaki memastikan bahawa kapal-kapalnya:</p> <p>(a) memiliki Dokumen Keanggotaan Selamat yang sah;</p> <p>(b) menyimpan satu salinan Dokumen Keanggotaan Selamat di kapal setiap masa; dan</p> <p>(c) dianggotai ditahap keanggotaan yang tidak rendah dari bilangan</p> | <p>1. <i>Part II of the Merchant Shipping (Manning, Hours of Work and Watchkeeping) Rules, 1999 requires a ship either to have a Safe Manning Document or a Manning Certificate. A Safe Manning Document is required for a ship that is 500 GT or more whilst a Manning Certificate is required for a ship of less than 500 GT. The above Rules do not have a table for manning of a ship like the repealed 1994 Rules.</i></p> <p>2. <i>A company is obliged to ensure that its ships:-</i></p> <p>(a) <i>have a valid Safe Manning Document;</i></p> <p>(b) <i>keep a copy of the Safe Manning Document on board at all times; and</i></p> <p>(c) <i>are being manned at a level of manning which is never below the</i></p> |
|--|--|

yang dinyatakan di dalam Dokumen Keanggotaan Selamat.

number specified in them Safe Manning Document at all times.

3. Perakuan Keanggotaan Selamat yang digunakan sekarang, dikeluarkan dibawah Kaedah-Kaedah tahun 1994 yang telah dibatalkan, mempunyai tempoh sah dan mestilah diperbaharui dengan Dokumen Keanggotaan Selamat atau Perakuan Keanggotaan yang mana sesuai. Permohonan mestilah dibuat oleh syarikat bagi setiap kapal di atas borang permohonan yang boleh didapati dimanamana pejabat pelabuhan. Setiap permohonan mestilah mengandungi cadangan skel keanggotaan dan juga menyertakan satu salinan sah Perakuan Keselamatan Radio Kapal.
 4. Untuk Perakuan Keanggotaan, setiap permohonan hendaklah disemat bersama Perakuan Keselamatan Radio Kapal atau 'statement' bahawa kapal tersebut dipasang dengan peralatan radio jenis A3, A2 atau A1.
 5. Sesebuah syarikat boleh dikenakan penalti jika kapalnya tidak ada Dokumen Keanggotaan Selamat atau tidak memohon Dokumen Keanggotaan Selamat. Nakhoda kapal boleh dikenakan penalti jika belayar tanpa memiliki Dokumen Keanggotaan Selamat yang sah. Penalti bagi syarikat ialah denda tidak lebih dari RM10,000 atau penjara tidak lebih dari enam bulan atau kedua-duanya sekali. Penalti bagi nakhoda pula ialah denda tidak melebihi RM5,000 atau penjara tidak lebih dari enam bulan atau kedua-duanya sekali.
3. *Existing safe manning certificate, issued under the repealed 1994, Rules, have a validity period and shall be renewed with a Safe Manning Document or a Manning Certificate as appropriate. An application must be made by the Company for each ship on an application form available from any port office. The application shall be accompanied by a proposed manning scale and also a copy of valid ship's safety radio certificate.*
 4. *For a Manning Certificate, the application form shall also be accompanied by a ship's safety radio certificate or a statement that the ship is fitted with A3, A2 or A1 radio equipment.*
 5. *A company could be penalised if the ship do not have a Safe Manning Document or have not applied for a Safe Manning Document. A master of a ship could be penalised if he sail a ship without having a valid safe manning document. Penalty for a company is a maximum fine of RM10,000 or imprisonment not exceeding six months or to both. The penalty for a master is a fine not exceeding RM5,000 or imprisonment not exceeding six months or to both.*

Pengarah Laut
Director of Marine

Tarikh/Date: 16th August 1999.